

Mejar KM (B) Micheal Riman Anak Bugat (1952-2023)

Major KM (B) Micheal Riman Anak Bugat (1952-2023)

Doreen Chong Ee *

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

email: doreenchongee@gmail.com

Diterima: 21 Mei 2025; **Disemak semula:** 05 Jun 2025; **Diterima:** 07 Jun 2025; **Diterbitkan:** 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Chong, D. E. (2025). Mejar KM (B) Micheal Riman Anak Bugat (1952-2023). *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah* 3(1), 1-15. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol3.1.1.2025>

Abstrak

Kajian ini berkisar tentang latar belakang Micheal Riman anak Bugat dan melihat perkembangan penglibatan beliau dalam ketenteraan dari tempoh 1952 sehingga 2023. Ia merujuk kepada penglibatan beliau dalam ketenteraan yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum dan selepas tahun 1979. Ketika era pertama (sebelum tahun 1979), beliau terlibat secara langsung dalam operasi memerangi komunis di hutan sebelum berkhidmat di bidang pengurusan pentadbiran ketenteraan (selepas tahun 1979). Perbincangan di dalam kajian ini berasaskan kepada sumber primer yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan cawangan Kuching, Kem Terendak Melaka, Kementerian Pertahanan Negara. Maklumat juga diperolehi daripada dokumen peribadi tokoh serta temu bual dengan waris dan rakan sekerja tokoh. Sumber sekunder turut digunakan dalam kajian ini. Micheal Riman menyumbang kepada keselamatan negara melalui pertempuran di hutan dan kemudiannya menyumbang jasa bakti melalui pengurusan pentadbiran tentera setelah mengalami kecederaan pada 1979. Jelasnya, sumbangan dan jasa bakti seseorang anggota tentera bukan hanya terhad dalam medan pertempuran tetapi juga dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.

Kata kunci: Iban, Komunis, Micheal Riman Bugat, Sarawak, tentera

Abstract

This study focusses on Micheal Riman anak Bugat's background and the evolution of his military career from 1952 to 2023. It relates to his military service in two stages: before and after 1979. During the first era (before 1979), he was thoroughly involved in jungle combat operations against communists before transitioning to military administrative management (after 1979). The discussion in this study is based on primary documents gathered from the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur, and the Kuching branch of Terendak Camp Melaka, Ministry of National Defence. Interviews with the figure's heirs and fellow workers, as well as personal records, provided additional information. Secondary sources were also utilised in this investigation. Micheal Riman contributed to national security by battling in the jungle, and after being injured in 1979, he continued to participate by administering military administration. Clearly, a military member's contributions and duty extend beyond the battlefield to encompass management and administration.

Keywords: Iban, Communist, Micheal Riman Bugat, Sarawak, Military

Pengenalan

Makalah ini mendokumentasikan tentang Micheal Riman Anak Bugat, salah seorang dari kaum Iban yang diangkat sebagai salah seorang tokoh negarawan ekoran ketokohan beliau dalam menyekat kemaraan komunis di Malaysia. Pada awal perkhidmatannya, beliau berada dalam pasukan Renjer Rejimen Diraja Kelapan pada tahun 1973 di Kem Terendak Melaka. Beliau kemudiannya terlibat dalam perjuangan membanteras saki-baki komunis khususnya di Perak dan Sarawak. Selain itu, beliau juga terlibat dalam operasi di sempadan Thailand-Malaysia untuk menghalang pergerakan masuk pengganas komunis ke negara ini. Semasa operasi membanteras komunis pada 1979, beliau terkena tembakan semasa mengejar pengganas komunis. Perkara ini menyebabkan beliau tidak mampu melakukan tugas berat seterusnya diklarifikasikan sebagai *base employment* (BE). Setelah mengalami kecederaan fizikal dalam pertempuran, beliau terus berbakti kepada negara melalui bidang pentadbiran ketenteraan. Beliau menguruskan kebajikan tentera serta menjadi kem komandan melatih pelatih Program Latihan Khidmat Negara. Perjalanan hidup Micheal Riman Anak Bugat dalam bidang ketenteraan mamaparkan semangat keberanian, ketabahan, dan dedikasi yang luar biasa. Ketokohan Micheal Riman anak Bugat memberikan inspirasi kepada generasi kini terutamanya dalam mengukuhkan semangat patriotisme dan jati diri kerana beliau memperlihatkan bahawa pengorbanan kepada negara tidak terhad kepada kaum, bangsa mahupun negeri. Artikel ini bertujuan mendokumentasikan secara menyeluruh tentang peranan dan sumbangan beliau sepanjang hidupnya.



Rajah 1: Micheal Riman Anak Bugat

Sumber: Koleksi Peribadi Michealin Viana anak Micheal Riman

Keberanian dalam Tradisi Kaum Iban

Masyarakat Iban menitikberatkan keberanian dalam kehidupan mereka khususnya dalam kalangan kaum lelaki. Dalam tradisi kaum Iban, anak lelaki Iban diajar oleh ibu atau nenek mereka untuk berani membalas dendam seperti membunuh dengan memenggal kepala musuh yang membunuh anggota keluarga mereka sendiri.¹ Sifat berani ini ditanam dalam diri anak lelaki sejak mereka kecil lagi. Ia dilakukan melalui nyanyian dan cerita tentang legenda yang berkaitan dengan dewa perang yang selalu membunuh musuh semasa berperang atau *ngayau* (ekspedisi memenggal kepala). Selain itu, para wanita juga menggalakkan pemuda untuk

mengikuti ekspedisi *ngayau* dan membawa balik kepala musuh kerana masyarakat mempunyai tanggapan bahawa lelaki yang membawa balik kepala musuh adalah lelaki yang berani atau dikenali sebagai “bujang berani” dan layak untuk menjadi bakal suami serta akan dihormati oleh masyarakat setempat dan menjadi kebanggaan keluarga.ⁱⁱ

Secara tradisinya, status seseorang dalam masyarakat Iban dinilai melalui kejayaan dalam peperangan atau pertanian, pengetahuan ritual, kepakaran penyembuhan, atau kemahiran dalam kerja kraf.ⁱⁱⁱ Justeru, keberanian adalah perkara yang diberikan perhatian khusus. Misalnya, seseorang lelaki perlu membuktikan kegagahan dan keberanian dengan sebelum perkahwinan dilaksanakan. Kepala musuh yang ditewaskan dianggap bukti yang melayakkan mereka untuk berkahwin, memegang jawatan penting dan seterusnya berfungsi sebagai pemimpin.^{iv} Semasa ekspedisi melawan musuh, kaum lelaki biasanya membawa senjata sendiri iaitu *duku ilang*. Senjata ini ibarat keris masyarakat Melayu. Mereka menggunakan *duku* (parang) *ilang* semasa berperang misalnya zaman penentangan James Brooke oleh Rentap.^v Selain digunakan dalam ekspedisi *ngayau*, *duku ilang* juga akan digunakan dalam belian dan miring iaitu proses ritual masyarakat Iban serta perhiasan pemakaian lelaki Iban. Masyarakat Iban juga mempercayai bawa *duku ilang* yang kebal dan sakti hanya boleh dihasilkan oleh kaum lelaki yang disumpah oleh *antu* (roh) sahaja khususnya yang menang dalam ekspedisi *ngayau*.^{vi}

Kaum lelaki perlu mendapat status bujang berani dengan mempelajari seni mempertahankan diri yang dikenali sebagai kuntau yang berkait rapat dengan kepercayaan animisme mereka.^{vii} Selain itu, lelaki juga digalakkan untuk mengukir tatu. Tatu tradisional biasanya diukir untuk tujuan tertentu yang hanya boleh dimiliki oleh mereka yang mempunyai kelayakan untuk melakukannya. Sebagai contoh adalah untuk menunjukkan identiti dan perintah yang dikenakan terhadap orang Iban, membezakan status sosial mereka, melindungi diri daripada roh jahat dan berfungsi sebagai penjaga roh selepas kematian, simbol minat, aktiviti perburuan, dan peralihan usia dalam satu peringkat kehidupan.^{viii}

Namun begitu, amalan semua amalan tradisional masyarakat Iban ini dihapuskan dalam pentadbiran raja Brooke. Amalan *ngayau* dilarang kerana ia bertentangan dengan agama Kristian.^{ix} Manakala *duku ilang* pula dijadikan sebagai suatu aksesori busana Iban dan diinovasikan sebagai kraf tangan.^x Seni pertahanan diri *Kuntau* pula dijadikan sebagai seni hiburan dan persembahan. *Kuntau* lazimnya dipersembahkan semasa Perayaan Gawai. Lambang keberanian tatu masih lagi kekal sehingga kini sebagai lambang bujang berani. Namun, apa yang jelas adalah keberanian adalah tradisi yang mengakar di dalam masyarakat Iban dan ia memberi kesan dalam membentuk keberanian dalam diri Micheal Riman anak Bugat yang menjadi fokus perbincangan di dalam makalah ini.

Latar Belakang Micheal Riman Anak Bugat

Terdapat beberapa kajian yang menyentuh tentang Micheal Riman anak Bugat namun ia tidak dilakukan secara menyeluruh. Antaranya, Neilson Ilan Mersat, Regina Garai dan Mohd Melintang Abdullah dalam *Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja* yang memfokuskan tentang kehidupan awal tokoh sehinggalah beliau bersara.^{xi} Kajian ini memerihalkan latar belakang ringkas dan beberapa operasi yang disertai oleh Micheal Riman, misalnya Operasi Setia 8/79 dan Operasi Gopeng Perak 1978.^{xii} Namun, maklumat berkenaan Micheal Riman Bugat boleh diperolehi daripada kajian berkenaan tokoh tentera yang berkhidmat sezaman dengannya. Contohnya sebuah kajian yang berjudul *Kanang: Cerita*

Seorang Pahlawan oleh Maznan Nordin. Buku ini merakamkan tentang seorang tokoh tentera di Sarawak iaitu Kanang Anak Langkau.^{xiii} Buku ini merakamkan tentang peristiwa tembak menembak di antara komunis dan tentera yang melibatkan Micheal Riman anak Bugat. Namun, tiada maklumat mendalam dan menyeluruh berkenaan Micheal Riman kerana beliau bukanlah tokoh yang menjadi tumpuan di dalam kajian berkenaan.

Micheal Riman anak Bugat juga dikenali sebagai Ansi atau Aki Raja. Beliau dilahirkan pada 8 Mac 1952 di Rumah Panjang Putus, Spaoh, Sarawak.^{xiv} Beliau merupakan anak ketujuh daripada sepuluh orang adik-beradik.^{xv} Bapanya bernama Bugat Anak Salang yang berasal dari Rumah Panjang Paku Ili, Spaoh manakala ibunya bernama Suro Anak Salat berasal dari Rumah Panjang Putus, Spaoh.^{xvi} Ibu bapa beliau menjalankan seorang petani dan penternak di rumahnya di Putus, Spaoh. Contoh pertanian yang dijalankan adalah bercucuk tanam serta menternak ayam dan khinzir. Ibu bapanya menggalakkan beliau dan adik beradik lelaki yang lain untuk menyambung pendidikan formal, berbanding adik beradik perempuannya yang lain.⁵³ Ini didorong oleh pemikiran tradisional yang menganggap bahawa tugas perempuan hanyalah menguruskan kerja rumah sahaja. Micheal Riman Anak Bugat mendapat pendidikan formal pertama ketika berusia tujuh tahun di Sekolah Kebangsaan Paku Central Tanjung Labang, Spaoh sehingga beliau berusia 12 tahun.^{xvii}

Anggaran kedudukan sekolah ini dengan rumah beliau adalah 30 minit berjalan kaki. Beliau dan adik-beradiknya berjalan kaki ke sekolah disebabkan faktor ekonomi keluarganya. Selepas lulus dalam ujian awam darjah enam iaitu *Common Entrance Examination* pada tahun 1965, beliau untuk menyambung pelajaran ke tingkatan satu di Sekolah Menengah Saint Luke Simanggang, Sri Aman sehingga tingkatan tiga. Di sekolah berkenaan beliau memperoleh Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Beliau kemudiannya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Simanggang, Sri Aman dan seterusnya ke sekolah swasta di Kuching sehingga tingkatan lima.^{xviii} Jarak sekolah ini dengan rumahnya adalah sebanyak 92 kilometer dan ini menyebabkan Micheal Riman perlu menetap di asrama. Setiap kali pulang ke sekolah, Micheal Riman perlu memulakan perjalanan pada waktu malam dan berjalan kaki untuk pergi ke stesen bas iaitu berada di Betong kemudian menggunakan bas ke Simanggang.⁵⁶

Micheal Riman Anak Bugat mendirikan rumah tangga pada 10 Jun 1991 dengan Dorothy Darling Anak Peter Tadong.^{xix} Isterinya, Dorothy Darling anak Peter Tadong merupakan anak kelahiran Sibu, Sarawak dan lahir pada 9 Disember 1952. Isteri beliau merupakan seorang tukang jahit pada ketika itu dan hanya melakukan perniagaan secara kecil-kecilan⁷³. Namun, perniagaannya tidak dapat diteruskan lagi disebabkan faktor kesihatan dan beliau menjadi suri rumah sepenuh masa sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2011. Mereka mula menetap di Batu Kawa, Kuching.

Rajah 2: Micheal Riman Bersama Isteri dan Anaknya



Sumber: Koleksi Peribadi Michealin Viana anak Micheal Riman

Micheal Riman meninggal dunia pada awal pagi 7 Ogos 2023.^{xx} Menurut sijil kematian beliau, faktor kematian tidak dapat disahkan dengan jelas. Walau bagaimanapun, menurut anaknya, Viana pada malam sebelum beliau meninggal, mereka berjumpa dengan doktor pakar untuk mendapatkan antibiotik serta suntikan kerana beliau sebelum ini mempunyai sejarah penyakit iaitu darah tinggi dan kencing manis.^{xxi} Oleh itu, perjumpaan dengan doktor merupakan rutin yang harus dijalankan oleh beliau. Pada awal pagi bertarikh 7 Ogos 2023, beliau mengadu sakit perut sehingga anaknya terpaksa menghubungi pihak hospital, namun dalam perjalanan ke hospital, beliau semakin lemah serta sesak nafas sehingga beliau disahkan meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak, Kuching.^{xxii}

Rajah 3 : Micheal Riman anak Bugat Dikembumikan di Makam Pahlawan Sarawak, Kuching



Sumber: “Mendiang Mejar (KM) Micheal Riman Penyumbang Keamanan Negeri,” *News Sarawak Tribune*, 26 Januari 2024, <https://suarasarawak.my/mendiang-mejar- km-Michael-riman-penyumbang-keamanan-negeri/>

Keluarga dan kenalan Micheal Riman datang memberikan penghormatan terakhir kepada beliau di Dewan Surah, Kuching selama dua hari sebelum dimakamkan.^{xxiii} Pada keesokannya, beliau dikebumikan dengan istiadat ketenteraan di Makam Pahlawan Sarawak di Kuching pada 10 pagi atas permintaan beliau sendiri sebelum meninggal agar memudahkan ahli keluarganya datang melawat.^{xxiv} Seramai 200 orang yang menghadiri upacara ini, termasuklah, Panglima Satu Divisyen Infantri Malaysia Mejar Jen. Hassan Embong, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera dan sebagainya yang merupakan kawan rapat beliau.^{xxv}

Era Pertama dalam Karier Tentera

Micheal Riman Anak Bugat bercita-cita untuk menjadi seorang anggota tentera sejak kecil. Namun, cita-cita berkenaan semakin kuat setelah melihat kehadiran tentera British dan Gurkha semasa Konfrontasi Indonesia (1965). Ketika itu beliau bersekolah di Simanggang (Sri Aman) dan mendapat peluang melihat tentera berkenaan berlatih dengan tangkas dan bersungguh-sungguh.^{xxvi} Ketangkasan mereka menarik minat Micheal sehingga beliau memutuskan untuk menyertai tentera dan bersungguh-sungguh untuk menghabiskan pelajaran dan seterusnya mengikuti pemilihan tentera.^{xxvii} Selain itu, pengalaman semasa berlakunya peristiwa konfrontasi berkenaan meningkatkan rasa nasionalisme dan banyak mengajarnya tentang keberanian dan ketahanan dalam situasi konflik.

Pada mulanya, beliau ingin memasuki Tentera Udara Diraja Malaysia tetapi gagal dalam temu duga saringan (*qualifying test*) tentera udara.^{xxviii} Beliau kemudiannya mencuba nasib untuk memohon masuk ke dalam perkhidmatan tentera darat kerana ingin menyumbang dalam mengekalkan keamanan negara. Cubaan kedua ini berjaya dan beliau ditawarkan untuk menyertai tentera darat. Beliau menerima tawaran berkenaan dengan hati terbuka. Tambahan pula, abangnya iaitu Jimbai anak Bugat juga merupakan seorang askar dalam bahagian semboyan yang merupakan satu unit tempur di dalam tentera darat Malaysia.^{xxix} Kerjaya serta

usaha dan keberanian abangnya membakar semangat Micheal Riman untuk mengikut jejak langkah abangnya dalam bidang ketenteraan. Ibu bapa Micheal Riman turut menggalakkan beliau untuk menyertai askar serta pekerjaan ini merupakan minat beliau sendiri dan ibu bapanya tidak menghalang malah selalu mendukung beliau.^{xxx} Di awal kerjayanya, Micheal Riman direkrut ke dalam Batalion Ke-8 Rejimen Renjer Diraja. Ekoran itu, beliau meninggalkan kampung halaman dan mula mengikuti latihan ketenteraan buat pertama kalinya pada 22 Januari 1973 di Kem Terendak, Melaka.^{xxxi} Sepanjang enam bulan berada di Melaka, beliau menjalani latihan asas ketenteraan. Setelah itu, latihan beliau disambung lagi selama tiga bulan yang mana pada kali ini beliau perlu menyelesaikan kursus berhubung asas latihan yang menjurus kepada latihan yang bersifat lasak.^{xxxii}

Seterusnya, Micheal Riman diserap menjadi anggota Platoon *Unit Combat Intelligence Squad* atau lebih dikenali sebagai UCIS. UCIS merupakan platoon yang baru ditubuhkan di dalam 8 Renjer. Platoon ini mempunyai peranan yang penting kerana dikhaskan untuk mengendalikan dan menyelesaikan operasi yang berbahaya. Antara tugas UCIS adalah untuk melakukan risikan dan bertindak apabila menerima maklumat yang dikategorikan sebagai Maklumat A1 (maklumat yang boleh dipercayai kebenarannya). UCIS bertindak kepada maklumat berkaitan lokasi dan kedudukan musuh yang memerlukan tindakan pantas daripada unit tentera yang berkaitan. Ketika berada dalam platoon ini, Micheal Riman berpangkat prebet (Pbt) sebelum beliau dinaikkan pangkat kepada koperal (Kpl) semasa beliau terlibat dalam operasi di Hutan Korbu 1979.^{xxxiii} Selepas itu, Micheal terlibat dalam pelbagai operasi di Gopeng Perak dan Hutan Korbu. Kerjayanya sebagai tentera yang berjuang di medan tempur berakhir apabila terjadinya insiden tembakan dalam operasi Hutan Korbu 1979. Kejadian tembakan itu menyebabkan beliau mengalami kecederaan parah di lengan kanannya menyebabkan beliau tidak dapat melakukan kerja yang berat.^{xxxiv} Ekoran itu, beliau tidak dapat lagi untuk terlibat dalam pertempuran dan diklasifikasikan sebagai pegawai berstatus BE (*Base Employment*).^{xxxv} Perkembangan kerjaya selepas di kategorikan sebagai BE diuraikan di dalam perbincangan yang berikutnya.

Era Kedua dalam Tentera

Selepas cedera di Hutan Korbu, Micheal Riman banyak kehilangan tisu dan saraf radial turut cedera. Pemulihan telah dilakukan namun tidak dapat dilakukan sepenuhnya. Beliau disahkan keluar daripada hospital pada 17 Julai 1979.^{xxxvi} Walau bagaimanapun, kontraktur teruk pada tangan kanan serta perlu dibedah sebanyak empat kali untuk pembaikan tendon dalam tempoh 1980 hingga 1982.¹⁸² Bukan itu sahaja, pemeriksaan dijalankan mendapati beliau disahkan menghidap tekanan darah tinggi serta diberi ubat anti hipertensi kerana tindak balas yang lemah.

Perubahan ini harus diterima oleh Micheal Riman anak Bugat di mana pada awalnya beliau terlibat dalam pertempuran di medan peperangan namun kini beliau terpaksa menjalani pemeriksaan berkala. Pemeriksaan ini dilakukan pada setiap tempat di pusat perubatan tentera yang ditetapkan. Walaupun kecederaan kekal dan keadaan kesihatan beliau menyebabkan perubahan besar dalam peranan dan gaya hidupnya, Micheal Riman tabah menghadapi cabaran tersebut. Beliau terus menyumbang kepada bidang tentera melalui penukaran bahagian perkhidmatan kepada bahagian pengurusan kebajikan dan penyediaan keperluan anggota tentera. Perubahan peranan ini bukan sahaja membuktikan daya tahan beliau tetapi juga mencerminkan semangat perjuangannya untuk terus berbakti kepada negara walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Micheal Riman ditempatkan dalam bahagian pengurusan kebajikan para tentera. Beliau menerima tawaran untuk menguruskan sel kebajikan para tentera. Bagi

meningkatkan lagi kemahirannya, Micheal Riman mengikuti kursus sebagai Sarjan Wisma Perwira di Taiping pada 26 Oktober 1982 sehingga 16 November 1982. Beliau kemudiannya dilantik sebagai sarjan.^{xxxvii} Kemajuan kerjayanya dalam bidang pentadbiran diteruskan lagi pada tahun berikutnya. Micheal Riman mengikuti kursus Kuartermaster Sarjan Kompeni dari 19 April 1983 sehingga 24 Mei 1983 di Port Dickson. Ini kemudiannya diikuti dengan kursus Kuartermaster Sarjan Rejimen pada 10 September 1985 sehingga 16 Oktober 1985 yang juga diadakan di Port Dickson. Sepanjang beliau menjawat jawatan sebagai kuartermaster, beliau berkhidmat di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bahagian Department Tentera Darat Tadbir (DTD Tadbir) yang berpangkalan di Sungai Besi. Di sini, Micheal Riman memastikan memastikan kebajikan tentera melalui pengurusan logistik dan infrastruktur.^{xxxviii}

Semasa bertugas di Sungai Besi, Micheal Riman dipertanggungjawabkan untuk menjaga bahagian sel kebajikan tentera.^{xxxix} Bahagian ini bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran am, penyelenggaraan, logistik, pengurusan aset dan perkhidmatan.^{xl} Dalam bahagian khidmat pengurusan pula, beliau berada di cawangan logistik iaitu mengurus dan menyelaraskan aspek berkaitan keselamatan dan perlindungan serta keperluan logistik bagi program utama. Ia termasuklah keperluan untuk memastikan semua perkara asas seperti makanan, pakaian, dan peralatan, menguruskan stor-stor penting seperti stor senjata, kelengkapan latihan, dan perpustakaan divisyen terjaga. Tugas ini merupakan pengalaman baru kepada Micheal Riman kerana perkhidmatan sebelumnya beliau terlibat dalam pertempuran di medan perang.

Perkhidmatan di Semenanjung berakhir selepas beliau ditukarkan ke Sarawak pada 1984. Di negeri kelahirannya, Micheal Riman memulakan khidmat bakti dengan bertugas sebagai pegawai logistik di 10 Renjer, di Bau Sarawak pada 1984-1986, Satu Divisyen di Palm Road, Kuching pada 1986-1990, Rejimen 511 (1991-1994), Pusat Latihan Tentera Darat di Ulu Tiram, Johor (1994-1996), Maktab Tentera Diraja (1996-1998), Markas Staff Station Temerloh, Pahang (1998-2000) dan Rejimen 611 Askar Wataniah (2000- 2004). Selepas berpindah dari Semenanjung pada 1984, lokasi pertama Michael Riman bertugas adalah di 10 Renjer, Sarawak iaitu di Kem Tasik Emas, Bau, Sarawak.^{xli} Sarawak ketika itu baru pulih daripada ancaman pengganas komunis, dan unit ini bertanggungjawab menjaga kestabilan keselamatan. Jelasnya, cabaran yang dihadapi agak besar. Tugas beliau di 10 Renjer adalah untuk menyediakan logistik tempur seperti senjata, makanan, dan peralatan operasi serta menyokong pasukan tempur dengan memastikan unit berada dalam keadaan siap siaga dengan sumber mencukupi untuk menghadapi sebarang ancaman.^{xlii189} Tugas di kawasan ini mencabar kerana logistik perlu dihantar ke lokasi terpencil dan sukar diakses dari luar.

Setelah itu, pada 1986-1990 Micheal Riman berkhidmat di Satu Divisyen, Palm Road, Kuching. Ia merupakan markas operasi utama di Kuching. Kemajuan karier dan kepercayaan terhadapnya semakin terserlah kerana di sini beliau dipertanggungjawabkan dengan tugas pengurusan logistik yang berskala lebih besar berbanding sebelumnya.^{xliii} Di Kuching, beliau bertanggungjawab menyelaraskan bekalan untuk pelbagai unit di bawah divisyen. Ia meliputi hal ehwal berkaitan stor logistik untuk memastikan sumber sentiasa tersedia. Sebagai pusat logistik utama, Palm Road menjadi titik penting dalam menyokong operasi di seluruh Sarawak. Ringkasnya, Micheal Riman memainkan peranan penting dalam memastikan kesiapsiagaan tentera di negeri Sarawak pada ketika itu.

Pada 1991-1994, Micheal Riman bertukar tugas di Rejimen 511 Askar Wataniah Kuching, Micheal Riman berperanan menyokong pasukan sukarela (Askar Wataniah), yang sering membantu operasi pasukan tetap. Secara umumnya, askar Wataniah berkhidmat meliputi

anggota sukarela, pegawai dan anggota yang dipertugaskan sepenuh masa serta bertugas sebagai pegawai.^{xliv} Tugasnya merangkumi kebajikan anggota sukarela iaitu menyediakan pakaian seragam, senjata, dan peralatan untuk anggota dan membantu dalam penyediaan logistik untuk latihan rekrut baharu. Rejimen ini menjadi tumpuan pembangunan kapasiti anggota tentera sukarela di Sarawak.

Kemudiannya, pada 1994-1996 Micheal Riman kembali berkhidmat di Semenanjung apabila bertugas di Pusat Latihan Tentera Darat, Johor iaitu di Sekolah Tempur Pegawai Muda, Ulu Tiram Johor.^{xliv} Tugasnya agak berbeza kerana di sini Micheal Riman mula terlibat dalam proses latihan anggota baharu. Di Johor, beliau memainkan peranan penting dalam membina generasi baharu tentera iaitu dengan memastikan kemudahan latihan seperti peralatan senjata, pakaian latihan, dan kelengkapan lain mencukupi serta menyediakan logistik untuk menyokong sesi latihan intensif bagi anggota baharu.^{xlvi} Tugas ini amat kritikal dalam memastikan rekrut baharu dapat menjalani latihan dengan standard tinggi.

Selesai perkhidmatan di Johor, beliau berpindah ke Kuala Lumpur pada 1996-1998. Di ibu negara, beliau bertugas di Maktab Tentera Diraja (MTD), sebuah institusi elit tentera yang melatih pemimpin masa depan.^{xlvi} Ini kerana maktab ini merupakan satu- satunya sekolah berasrama penuh di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.^{xlvi} Sama seperti tugasnya sebelum ini, Micheal Riman bertanggungjawab menguruskan logistik para pelatih MTD. Ini termasuklah memastikan pelatih mendapat keperluan latihan seperti senjata, dokumen, dan kelengkapan lain. Di samping itu, beliau turut menguruskan stor dan memastikan semua bahan latihan berada dalam keadaan siap guna. Pelatih yang menuntut di Maktab Tentera Diraja disediakan kemudahan yang percuma seperti pakaian seragam, latihan ketenteraan serta kemudahan lain yang berkaitan.^{xlvi}

Seterusnya, Micheal Riman meneruskan perkhidmatannya di Pahang iaitu di Markas Temerloh pada 1998-2000. Di Temerloh, beliau ditugaskan untuk menyelaraskan operasi logistik untuk unit-unit tempatan.¹ Sama seperti tugas sebelumnya, Micheal Riman bertanggungjawab untuk mengawal stor dan bekalan. Di Temerloh, beliau mengawasi pengedaran bekalan kepada pasukan di Temerloh Pahang dan memastikan kelengkapan seperti senjata dan kenderaan tentera berfungsi dengan baik. Tambahan pula, kedudukan kem Temerloh yang rendah yang menyebabkan kem ini selalu dilanda banjir yang menjejaskan barangan dan peralatan keperluan askar tentera.^{li199}

Pada 2000, Micheal Riman kembali berkhidmat di negeri kelahirannya setelah diarahkan berbuat demikian melalui Perintah Pergerakan Angkatan Tentera.^{lii} Beliau kemudiannya ditugaskan untuk menabur khidmat di Rejimen 511, Kuching. Beliau sekali lagi ditugaskan sebagai kuartermaster sehinggalah beliau bersara. Dalam kem ini beliau ditugaskan untuk menyediakan keperluan tentera yang bertugas sebagai anggota sukarela di kawasan yang ditugaskan. Rejimen 511, Kuching adalah lokasi terakhir dalam perkhidmatan Micheal Riman di dalam tentera. Beliau bersara pada 8 April 2004 dengan pangkat terakhirnya sebagai Mejar selepas berkhidmat sebanyak 31 perkhidmatan.^{liii}

Sepanjang 31 tahun perkhidmatan beliau, beliau telah menjawat sebanyak tiga pangkat iaitu Lain-lain Pangkat (1974-1990) yang merangkumi Prebet, Lans Koper, Koper, Sarjan dan Pegawai, seterusnya beliau telah ditauliahkan sebagai Pegawai Tugas Khas (Kuartermaster) yang menyandang pangkat Leftenan pada 12 Mac 1991.^{liv} Beliau berkhidmat sebagai Kuartermaster di Rejimen 511 Askar Wataniah Kem Penrissen Kuching pada tahun 1991

sehingga 1992. Setelah berkhidmat selama dua tahun di Rejimen 511 Askar Wataniah, beliau Pada tahun 1993 sehingga 1996 beliau dinaikkan pangkat sebagai Kapten dan yang terakhir sebagai Mejar sehingga beliau bersara dari tahun 1997 sehingga 2004.^{lv} Kenaikan pangkat dalam tempoh yang singkat ini membuktikan Micheal Riman seorang yang berdedikasi dalam tugasnya sehingga melayakkan beliau diberikan kenaikan pangkat.

Sebagai anggota yang menguruskan pentadbiran dan kebajikan, di sepanjang perkhidmatannya, beliau memastikan kesejahteraan fizikal dan moral anggota tentera melalui pengurusan stor sukan dan pakaian, yang penting untuk aktiviti fizikal dan latihan dan penyediaan kelengkapan dokumen dan risalah untuk latihan teori. Selanjutnya jasa bakti Micheal Riman juga adalah besar dalam pengurusan logistik. Ini kerana logistik adalah salah satu elemen penting dalam kejayaan operasi ketenteraan. Micheal Riman memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan bekalan dan kelengkapan kepada pasukan, yang menjadi asas kepada kestabilan dan moral tentera. Tugas beliau termasuklah hal pengurusan stor, pamphlet, sukan, kelengkapan, perpustakaan, dan bahagian kantin.^{lvi} Kemampuan beliau untuk menyesuaikan diri dengan peranan baharu selepas kecederaan menunjukkan ketahanan mental dan fizikal. Beliau tidak hanya melihat peranannya sebagai kerja sokongan tetapi juga sebagai cara untuk terus menyumbang kepada keselamatan negara. Ini membuktikan beliau seorang tokoh yang tidak mudah menyerah kepada keadaan.

Era Persaraan

Micheal Riman terus menabur khidmat baktinya selepas persaraan rasmi dari tentera. Beliau komited untuk menyumbang demi kepentingan masyarakat dan negara terhenti. Ini dilakukan melalui peranannya sebagai salah seorang jurulatih di Program Latihan Khidmat Tentera (PLKN) di Bukit Saban, Betong selama dua sesi iaitu pada tahun 2004 dan 2005.^{lvii} Program Latihan Khidmat Tentera (PLKN) adalah satu program pembinaan sahsiah diri bagi membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai murni. Tumpuan kepada elemen patriotisme dan pembinaan jati diri di dalam PLKN menjadi penarik utama kepada Micheal Riman. Ini kerana pembinaan jati diri dan patriotisme adalah perkara utama yang ditekankan di dalam kehidupan peribadi dan karier beliau.

Menurut rakan setugas beliau iaitu Sarjan (B) Meresal bin Ayup, bekas anggota Polis Diraja Malaysia, Micheal Riman berkhidmat sebagai Kem Komandan selama dua siri di Pusat Latihan Khidmat Negara di Bukit Saban, Betong.^{lviii} Pemilihan beliau sebagai komandan ini disebabkan pengalaman dan pengetahuannya sebagai bekas tentera. Sehubungan itu, Micheal Riman bersama jurulatihnya Sarjan (B) Meresal bin Ayup berganding bahu untuk menjalankan program PLKN yang sebelum itu belum pernah dilaksanakan di Betong. Mereka mendapat kerjasama dan khidmat daripada beberapa orang jurulatih lain yang terdiri daripada bekas anggota tentera, polis, bomba dan orang awam yang berkecualan.

Sebagai Kem Komandan, semasa di PLKN Betong, Micheal Riman bertanggungjawab terhadap pengurusan kem, di samping memastikan peserta program mematuhi disiplin dan jadual latihan yang ditetapkan. Pengalaman beliau dalam ketenteraan membolehkan beliau mengurus pelbagai aspek logistik, keselamatan, dan penyelarasan latihan dengan cekap. Micheal Riman, bersama Sarjan (B) Meresal bin Ayup, menggunakan pengalaman mereka untuk membimbing dan memberi inspirasi kepada peserta program, terutama dalam aspek disiplin dan semangat kebangsaan.^{lix} Sebagai bekas tentera, Micheal Riman membawa nilai-nilai kepimpinan, integriti, dan disiplin kepada program PLKN. Beliau membantu membentuk

peserta program menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, berdisiplin, dan bersemangat patriotik. Bukit Saban sebagai kem PLKN di Sarawak memberikan peluang kepada belia pelbagai etnik untuk berinteraksi dan membina perpaduan melalui latihan bersama. Micheal Riman memainkan peranan penting dalam memastikan program ini menjadi platform perpaduan, selaras dengan matlamat nasional.

Selain daripada komitmen kepada PLKN, Micheal Riman sering menyertai keraian dan juga memenuhi jemputan yang diadakan oleh pelbagai organisasi di atas kapasitinya sebagai penerima Pingat Gagah Berani (PGB). Beliau menggunakan kedudukannya sebagai seorang yang dihormati di dalam masyarakat untuk menyumbang kepada usaha untuk memperkukuhkan hubungan sesama penerima PGB dan mengiktiraf jasa-jasa mereka yang telah menunjukkan keberanian luar biasa dalam mempertahankan negara. Sebagai contoh, Micheal Riman, bersama tiga penerima PGB yang lain, menghadiri Program Perasmian Tugu Peringatan Kampung Jangkar di Jalan Biawak, Lundu pada 2 Julai 2023.^{lx} Di dalam program ini mereka mengetengahkan pengorbanan dan jasa PGB dalam mempertahankan negara. Secara umumnya, Micheal Riman selepas persaraannya gigih dalam usaha menanamkan kecintaan kepada negara dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Penutup

Micheal Riman anak Bugat merupakan seorang tokoh tentera yang terkenal di bahagian Saribas, Sarawak atas keberanian beliau sepanjang menjadi tentera sejak 1973 sehingga 2004. Tokoh ketenteraan merujuk kepada individu yang memainkan peranan penting dalam bidang ketenteraan yang memegang kedudukan yang tinggi dalam hierarki tentera, seperti pangkat perwira atau pemimpin tentera. Mereka mempunyai kepakaran dalam strategi dan taktik ketenteraan, ketahanan mental dan fizikal yang tinggi, serta keupayaan untuk memimpin pasukan. Micheal Riman merupakan tokoh tentera yang unik. Walaupun peranannya kurang menonjol dibandingkan dengan tugas tempur, sumbangan Micheal Riman dalam infrastruktur dan kebajikan menunjukkan bahawa keberhasilan operasi ketenteraan adalah hasil gabungan usaha individu di medan perang dan di belakang tabir. Ini menekankan kepentingan kolaborasi antara logistik dan unit tempur. Micheal Riman Anak Bugat menunjukkan bahawa keberanian dan dedikasi tidak hanya terhad kepada medan tempur tetapi juga dapat diteruskan melalui peranan penting dalam logistik dan kebajikan. Sumbangan beliau membuktikan bahawa setiap aspek dalam ketenteraan, dari medan tempur hingga pengurusan infrastruktur, mempunyai kepentingan yang sama dalam memastikan kejayaan keseluruhan organisasi. Adaptasi dan ketekunan beliau setelah mengalami kecederaan adalah contoh teladan bagi generasi muda dalam ketenteraan dan masyarakat umum.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada keluarga dan waris Micheal Riman Bugat atas kerjasama dan perkongsian maklumat sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Amee Joan, "Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak," *Malaycivization*, no. 1(2024): 2, <https://ir.unimas.my/id/eprint/8012/>
- Anna Durin, Zarina Mohd, Bernice Helena, dan Mohd Ghazali, "Pengaruh Ngayau atau Headhunting dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak," *Jurnal Melayu*, Isu 7 (2011): 305, <https://journalarticle.ukm.my/3197/1/12.pdf>
- Annie Menggong anak Gon, waris tokoh, temu bual secara dalam talian, 8 Januari 2024
- Bahagian Khidmat Pengurusan", Direktori Pegawai Kementerian Pertahanan Malaysia, Diakses pada 21 Januari 2025. <https://direktori.mod.gov.my/index.php/mindef/category/bahagian-khidmat-pengurusan>
- Banjir: Mindef Sumbang RM500 bagi Tentera, Awam di Kem Batu Tiga Temerloh," *Astro Awani*, 30 Disember 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-mindef-sumbang-rm500-bagi-tentera-awam-di-kem-batu-tiga-temerloh-339068>
- Christopher Wan Sageng, Mark Kasa, Josph martin dan Nursyafiqah Ramli, "Sarawak Cuisine: An Overview and Its Identity," *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)* 12, no. 3 (2020): 20, https://www.researchgate.net/publication/347993027_Sarawak_Cuisine_An_Overview_and_Its_Identity
- Doraya Gerry dan Chmaline Osup, "Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntau di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak," *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, no. 1 (2021): 7, <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.2021>
- Gregory Kiyai@Kcai, "Sejarah Budaya Ngayau dalam Masyarakat Iban di Sarawak," *Jurnal Borneo Alkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, no. 1 (2021): 125, <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/>
- Injury Report (Including Fatal Injuries) 22 Ogos 2001," Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, BAT F. 117. 775/79
- Khairul Amir Abdul Malek "Penubuhan PLKN: Program Bina Sahsiah Diri Kukuhkan Semangat Patriotisme," *Berita Tentera Darat Malaysia, Rencana*, Februari 2004, http://lib.perdana.org.my/PLF/Digital_Content/NA/Serial/BTDM/BTDM%5BFeb2004%5DPenubuhanPLKN.pdf
- Maznan Nordin, *Kanang: Cerita Seorang Pahlawan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017)
- Meresal bin Ayup, rakan sekerja tokoh, temu bual secara dalam talian, 9 Disember 2024.
- Michealin Viana anak Micheal Riman, waris tokoh, temubual secara dalam talian, 12 Disember 2023.
- Michealin Viana, 2022 "Skrif Interview Micheal Riman," catatan peribadi yang tidak diterbitkan,
- Mohd Roji Kawi, "Tugu Peringatan Jangkar Imbau Tragedi Berdarah 1972," *Berita Harian*, 2 Julai 2023, <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20230702/282166475627371>
- Neilson Ilan Mersat, Regina Garai dan Mohd Melintang Abdullah, *Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja* (Kuching: Unimas Publisher, 2021), 137-147
- No. 347426, "Surat Kematian Micheal Riman anak Bugat," Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Sarawak, 2023.
- Penerima PGB Micheal Riman Disemadikan di Makam Pahlawan Sarawak," *The Sun*, 10 Ogos 2023, <https://thesun.my/cerita/penerima-pgb-micheal-riman-disemadikan-di-makam-pahlawan-sarawak-BH11348999>
- Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia 2004," Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 0000189 BAT D 86 1/2002
- Pengenalan MTD," Maktab Tentera Diraja, Diakses pada 21 Januari 2025. https://spskt4.moe.gov.my/spat4_mohon/info_mtd.cfm
- Penyata Faedah Gantian Cuti Rehat Micheal Riman anak Bugat, 19 Januari 2004," Kementerian Pertahanan Negara, Kuala Lumpur.
- Perintah Bahagian Dua Pegawai, 9 Februari 2001," Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, No. Siri 01.
- Perintah Bahagian II Pegawai Micheal Riman anak Bugat, 5 April 1993, Kementerian Pertahanan Negara, Kuala Lumpur, No. Siri 06
- Perkhidmatan Askar Wataniah, Rejimen Askar Wataniah tentera Darat, Diakses pada 22 Januari 2025. <http://aw.army.mil.my/index.php/mengenai-kami/perkhidmatan>
- Plat anak Bugat, adik tokoh, temu bual secara dalam talian, 16 Januari 2024.
- Rintos Mail, "Bullet Rips Bone Off Ranger's Arm in Battle at korbu," *The Borneo Post*, 20 September 2015, <https://www.theborneopost.com/2015/09/20/bullet-rips-bone-off-rangers-arm-in-battle-at-korbu/>
- Surat Akuan Penjelasan Micheal Riman anak Bugat. 19 Mac 1997. Kementerian Pertahanan Negara
- Sze Joon Jong, "Iban Ajat: Digitisation Framework for the Conservation of a Sarawak Traditional Dance" (Tesis

PhD, Queensland University of Technology, 2022), 63.
https://web.archive.org/web/20220806133850id_/https://eprints.qut.edu.au/233171/1/Size%20Joon_Jon
Wira Negara Micheal Riman Disemadi di Makam Pahlawan Khamis ini”, *Utusan Borneo*, 10 Ogos 2023,
<https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/08/wira-negara-Micheal-riman-disemadi-di-makam-pahlawan-khamis-ini>

-
- ⁱ Anna Durin, Zarina Mohd, Bernice Helena, dan Mohd Ghazali, “Pengaruh Ngayau atau Headhunting dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak,” *Jurnal Melayu*, Isu 7 (2011): 305, <https://journalarticle.ukm.my/3197/1/12.pdf>.
- ⁱⁱ Anna Durin, Zarina Mohd, Bernice Helena, dan Mohd Ghazali, “Pengaruh Ngayau atau Headhunting dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak,” *Jurnal Melayu*, Isu 7 (2011): 305, <https://journalarticle.ukm.my/3197/1/12.pdf>
- ⁱⁱⁱ Gregory Kiyai@Keai, “Sejarah Budaya Ngayau dalam Masyarakat Iban di Sarawak,” *Jurnal Borneo Alkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, no. 1 (2021): 125, <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/>.
- ^{iv} Amee Joan, “Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak,” hlm.26.
- ^v Amee Joan, “Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak,” *Malaycivilization*, no. 1(2024): 2, <https://ir.unimas.my/id/eprint/8012/>
- ^{vi} Gregory Kiyai@Krai dan Noria Tugang, “Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan dan Pustaka,” *Jurnal Kinabalu*, no. 1 (2020): 66, <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i.2261>
- ^{vii} Sze Joon Jong, “Iban Ajat: Digitisation Framework for the Conservation of a Sarawak Traditional Dance” (Tesis PhD, Queensland University of Technology, 2022), 63.
https://web.archive.org/web/20220806133850id_/https://eprints.qut.edu.au/233171/1/Size%20Joon_Jong_Thesis.pdf; Doraya Gerry dan Chmaline Osup, “Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntai di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak,” *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, no. 1 (2021): 7, <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.2021>
- ^{viii} Slyvia Saging dan Zainuddin Baco, “Simbolik Motif-Motif Tatu Tradisional Masyarakat Kaum Iban di Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak,” *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, no. 1 (2022): 132, <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/>.
- ^{ix} Doraya Gerry dan Chmaline Osup, “Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntai di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak,” *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, no. 1 (2021): 27, <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.2021>
- ^x Gregory Kiyai dan Noria Tugang, “Perau Bangkong Sebagai Alai Perang Iban: Satu Analisis Material Budaya,” *Jurnal Melayu Antarabangsa Dunia Melayu*, no. 2(2023): 201, [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no2)
- ^{xi} Neilson Ilan Mersat, Regina Garai dan Mohd Melintang Abdullah, *Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja*, 144
- ^{xii} Neilson Ilan Mersat, Regina Garai dan Mohd Melintang Abdullah, *Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja* (Kuching: Unimas Publisher, 2021), 137-147
- ^{xiii} Maznan Nordin, *Kanang: Cerita Seorang Pahlawan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), 76.
- ^{xiv} Michealin Viana, “Skrip Interview Micheal Riman,” artikel peribadi yang tidak diterbitkan, 2022, hlm.1
- ^{xv} Annie Menggong anak Gon, waris tokoh, temu bual secara dalam talian, 8 Januari 2024
- ^{xvi} Plat anak Bugat, adik tokoh, temu bual secara dalam talian, 16 Januari 2024.
- ^{xvii} Plat anak Bugat, adik tokoh, temu bual secara dalam talian, 16 Januari 2024.
- ^{xviii} Ibid
- ^{xix} Michealin Viana anak Micheal Riman, waris tokoh, temubual secara dalam talian, 12 Disember 2023.
- ^{xx} No. 347426, “Surat Kematian Micheal Riman anak Bugat,” Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Sarawak, 2023.
- ^{xxi} Michealin Viana anak Micheal Riman, waris tokoh, temubual secara dalam talian, 12 Disember 2023.
- ^{xxii} Ibid
- ^{xxiii} “Penerima PGB Micheal Riman Disemadikan di Makam Pahlawan Sarawak,” *The Sun*, 10 Ogos 2023, <https://thesun.my/cerita/penerima-pgb-Micheal-riman-disemadikan-di-makam-pahlawan-sarawak-BH11348999>
- ^{xxiv} “Wira Negara Micheal Riman Disemadi di Makam Pahlawan Khamis ini”, *Utusan Borneo*, 10 Ogos 2023, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/08/wira-negara-Micheal-riman-disemadi-di-makam-pahlawan-khamis-ini>

- ^{xxv} “Wira Negara Micheal Riman Disemadi di Makam Pahlawan Khamis ini”, *Utusan Borneo*, 10 Ogos 2023, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/08/wira-negara-Micheal-riman-disemadi-di-makam-pahlawan-khamis-ini>
- ^{xxvi} Christopher Wan Sageng, Mark Kasa, Josph martin dan Nursyafiqah Ramli, “Sarawak Cuisine: An Overview and Its Identity,” *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)* 12, no. 3 (2020): 20, https://www.researchgate.net/publication/347993027_Sarawak_Cuisine_An_Overview_and_Its_Identity
- ^{xxvii} Nelson Ilan Mersat, Regina Garai & Mohd Melintang Abdullah, *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja* (Kuching: Unimas Publisher, 2021), 138
- ^{xxviii} Nelson Ilan Mersat, Regina Garai & Mohd Melintang Abdullah, *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja*, 138.
- ^{xxix} Plat anak Bugat, adik tokoh, temu bual secara dalam talian, 16 Januari 2024.
- ^{xxx} Ibid
- ^{xxxi} “Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 2004, 0000189, BAT D 86, 1/2002
- ^{xxxii} Ibid
- ^{xxxiii} Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 2004, 0000189, BAT D 86, 1/2002
- ^{xxxiv} Rintos Mail, “Bullet Rips Bone Off Ranger’s Arm in Battle at korbu,” *The Borneo Post*, 20 September 2015, <https://www.theborneopost.com/2015/09/20/bullet-rips-bone-off-rangers-arm-in-battle-at-korbu/>
- ^{xxxv} “Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 2004, 0000189, BAT D 86, 1/2002
- ^{xxxvi} Injury Report (Including Fatal Injuries) 22 Ogos 2001,” Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, BAT F. 117. 775/79
- ^{xxxvii} Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia,” “Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak,” 2004, 0000189, BAT D 86, 1/2002
- ^{xxxviii} Bahagian Khidmat Pengurusan”, Direktori Pegawai Kementerian Pertahanan Malaysia, Diakses pada 21 Januari 2025. <https://direktori.mod.gov.my/index.php/mindef/category/bahagian-khidmat-pengurusan>
- ^{xxxix} Nelson Ilan Mersat, Regina Garai & Mohd Melintang Abdullah, *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja*, 150.
- ^{xl} “Bahagian Khidmat Pengurusan”, Direktori Pegawai Kementerian Pertahanan Malaysia, Diakses pada 21 Januari 2025. <https://direktori.mod.gov.my/index.php/mindef/category/bahagian-khidmat-pengurusan>
- ^{xli} Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia 2004,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 0000189 BAT D 86 1/2002
- ^{xlii} Ibid
- ^{xliii} Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia 2004,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 0000189 BAT D 86 1/2002.
- ^{xliv} Perkhidmatan Askar Wataniah,” Rejimen Askar Wataniah tentera Darat, Diakses pada 22 Januari 2025. <http://aw.army.mil.my/index.php/mengenai-kami/perkhidmatan>
- ^{xliv} Perintah Bahagian Dua Pegawai, 9 Februari 2001,” Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, No. Siri 01.
- ^{xlvi} Perintah Bahagian II Pegawai Micheal Riman anak Bugat, 5 April 1993, Kementerian Pertahanan Negara, Kuala Lumpur, No. Siri 06,
- ^{xlvi} “Perintah Bahagian Dua Pegawai, 9 Februari 2001,” Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, No. Siri 01
- ^{xlvi} Pengenalan MTD,” Maktab Tentera Diraja, Diakses pada 21 Januari 2025. https://spskt4.moe.gov.my/spat4_mohon/info_mtd.cfm
- ^{xlvi} Ibid
- ⁱ Perintah Bahagian II Pegawai Micheal Riman anak Bugat, 5 April 1993, Kementerian Pertahanan Negara, Kuala Lumpur, No. Siri 06,
- ^{li} Banjir: Mindef Sumbang RM500 bagi Tentera, Awam di Kem Batu Tiga Temerloh,” *Astro Awani*, 30 Disember 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-mindef-sumbang-rm500-bagi-tentera-awam-di-kem-batu-tiga-temerloh-339068>
- ^{lii} Perintah Bahagian Dua Pegawai, 9 Februari 2001,” Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur, No. Siri 01.
- ^{liii} “Bahagian Khidmat Pengurusan”, Direktori Pegawai Kementerian Pertahanan Malaysia, Diakses pada 21 Januari 2025. <https://direktori.mod.gov.my/index.php/mindef/category/bahagian-khidmat-pengurusan>
- ^{liv} “Penyata Faedah Gantian Cuti Rehat Micheal Riman anak Bugat, 19 Januari 2004,” Kementerian Pertahanan Negara, Kuala Lumpur.

^{lv} Pengakuan Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia 2004,” Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Sarawak, 0000189 BAT D 86 1/2002.

^{lvi} Surat Akuan Penjelasan Micheal Riman anak Bugat. 19 Mac 1997. Kementerian Pertahanan Negara

^{lvii} Meresal bin Ayup, rakan sekerja tokoh,temu bual secara dalam talian, 9 Disember 2024.

^{lviii} Meresal bin Ayup, rakan sekerja tokoh,temu bual secara dalam talian, 9 Disember 2024.

^{lix} Khairul Amir Abdul Malek “Penubuhan PLKN: Program Bina Sahsiah Diri Kukuhkan Semangat Patriotisme,”
Berita Tentera Darat Malaysia, Rencana, Februari 2004,
http://lib.perdana.org.my/PLF/Digital_Content/NA/Serial/BTDM/BTDM%5BFeb2004%5DPenubuhan PLKN.pdf

^{lx} Mohd Roji Kawi, “ Tugu Peringatan Jangkar Imbau Tragedi Berdarah 1972,” *Berita Harian*, 2 Julai 2023,
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20230702/282166475627371>